

## **KANDUNGAN ANIMASI ISLAMIK UNTUK PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK: SATU TINJAUAN LITERATUR**

### ***ISLAMIC ANIMATION CONTENT IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION: A LITERATURE REVIEW***

**Napisah Karimah Ismail\***

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Suhaila Zailani @ Hj Ahmad**

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Firuz Akhtar Lubis**

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Ammalina Dalillah Mohd Isa**

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Farid Mat Zain**

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Nuha Farhana Farid**

Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Siti Fadzilah Mat Noor**

Pusat Kajian Teknologi dan Pengurusan Perisian,  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Hadi Affendy Dahlan**

Pusat Kajian Teknologi dan Pengurusan Perisian,  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Noorsafuan Che Noh**  
Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam,  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,  
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak,  
21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

**Mohd Fadly Khamis**  
Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

\*Corresponding Author's Email: napisah@ukm.edu.my

---

**Article History:**

Received : 17 September 2024

Accepted : 25 November 2024

Published : 26 December 2024

© Penerbit Universiti Islam Melaka

---

**To cite this article:**

Ismail, N. K., Zailani, S., Lubis, F. A., Isa, A. D. M., Zain, F. M., Farid, N. F., Noor, S. F. M., Dahlan, H. A., Noh, N. C. & Khamis, M. F. (2024). Kandungan Animasi Islamik Untuk Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal ‘Ulwan*, 9(2), 60-70.

**ABSTRAK**

Animasi memainkan peranan penting dalam pendidikan kanak-kanak pada masa kini. Animasi Islamik merujuk kepada animasi yang berlandaskan nilai-nilai Islam dan sesuai untuk tontonan kanak-kanak serta keluarga Muslim. Animasi seperti ini bertujuan mendidik dan menghiburkan sambil mananamkan akhlak yang baik dalam kalangan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, animasi berkonsepkan kandungan Islamik tidak banyak dihasilkan di Malaysia berbanding animasi-animasi lain yang tidak berkonsepkan Islamik. Oleh itu, artikel ini bertujuan meninjau kajian sedia ada berkaitan animasi yang berkonsep Islamik. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan analisis literatur. Data terkumpul dianalisis secara tematik dan deskriptif. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat dua tema utama perbincangan literatur iaitu pendidikan kanak-kanak berasaskan animasi dan kandungan animasi berkonsep Islamik. Kajian juga mendapati bahawa Sirah Rasulullah SAW berpotensi untuk diangkat menjadi kandungan animasi dan sekaligus menyumbang kepada pembentukan akhlak kanak-kanak.

**Kata kunci:** Pendidikan Awal Kanak-kanak; Animasi; Kandungan Islamik; Sirah Rasulullah SAW

## ABSTRACT

*Animation plays an important role in children's education in this modern time. Islamic animation refers to animations based on Islamic values that are suitable to watch by children and Muslim families. These animations aim to educate and entertain while instilling good morals in children. However, Islamic-themed animations are not produced as frequently in Malaysia compared to other non-Islamic animations. Therefore, this article aims to review existing studies related to Islamic-themed animation. This study is qualitative and employs literature analysis. The collected data are analyzed thematically and descriptively. The findings reveal two main themes in the literature: animation-based children's education and Islamic-themed animation content. The study also finds that the life of the Prophet Muhammad PBUH has the potential to be developed into animated content, thereby contributing to the moral development of children.*

**Keywords:** Early Childhood Education; Animation; Islamic Content; Sirah of the Prophet Muhammad PBUH

## 1.0 PENGENALAN

Dalam era digital yang semakin berkembang, animasi menjadi salah satu medium pendidikan yang popular dan berkesan terutama dalam kalangan kanak-kanak. Menurut Lawe et al. (2020), animasi menawarkan cara pembelajaran yang lebih interaktif, menyeronokkan dan mudah difahami, meningkatkan minat dan motivasi, membantu dalam pembelajaran visual serta menggalakkan kemahiran sosial dan emosi. Animasi tidak hanya mampu menarik perhatian dan minat anak-anak, tetapi juga berfungsi sebagai alat yang kuat untuk menyampaikan nilai-nilai dan pengajaran. Dalam konteks pendidikan Islam, animasi dapat menjadi alat sokongan dalam menanamkan nilai-nilai agama dan moral islamik yang efektif dalam pendidikan awal kanak-kanak. Justeru, animasi Islamik muncul sebagai satu genre yang berpotensi untuk mendidik dan membentuk akhlak generasi muda dengan menanamkan nilai-nilai murni dan ajaran agama melalui cara yang menghiburkan.

Menurut Zola Westri dan Rismareni Pransiska (2021), animasi kanak-kanak Islamik yang masyhur seperti Omar dan Hana, Alif dan Sofia menjadi pilihan untuk tontonan keluarga bukan sahaja menghiburkan tetapi juga menyampaikan mesej Islamik, nilai moral dan pendidikan agama kepada kanak-kanak. Antaranya adalah nilai akidah, iaitu dengan memperkenalkan nabi, mengajar konsep bersyukur kepada Allah di samping menerapkan nilai moral seperti berkata jujur, saling tolong menolong, menjaga kebersihan dan tidak membazir. Metode penyampaian animasi menerusi lagu-lagu Islami dapat menarik perhatian kanak-kanak dan sekaligus memberi impak positif dalam membentuk dan menyemai nilai-nilai Islam dalam diri kanak-kanak. Berdasarkan kajian lepas yang dibincangkan, didapati bahawa medium animasi berjaya menonjolkan aspek akidah dan ibadah untuk diterapkan dalam diri kanak-kanak.

## 2.0 PERNYATAAN MASALAH

Beberapa animasi popular yang ada dalam pasaran dan media massa kini dilihat mempromosikan keganasan yang berpotensi mempengaruhi kanak-kanak untuk meniru aksi-aksi agresif yang ditayangkan. Walaupun terdapat banyak filem animasi Barat yang menghiburkan, namun media tersebut boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan kanak-kanak. Filem-filem ini sering memaparkan aksi ganas dan seksual (Nur Hasanah & Eva, 2019), ideologi barat, kehidupan bebas tanpa pegangan agama serta bahasa kasar yang boleh memberi impak negatif terhadap perkembangan moral dan emosi kanak-kanak (Strasburger et al., 2010). Di Malaysia, terdapat banyak siri animasi yang menjadi kegemaran kanak-kanak. Namun, siri animasi yang dipaparkan memperlihatkan tingkah laku watak dan konteks budaya yang kurang sesuai ditonton oleh kanak-kanak, antaranya seperti Shin Chan, Doraemon, Hagemaru dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga animasi Alvin and The Chipmunks yang memaparkan watak tupai kecil (Chipmunks) yang memanggil nama ayahnya ‘Dave’ dan juga animasi Pickle and Peanuts yang sering menyebut perkataan dan membuat aksi kurang sopan. Dalam contoh lain, watak Maruko dalam animasi Maruko Chan yang suka mendesak dan memaksa ibubapanya menuruti kehendaknya sehingga memberontak sekiranya tidak ditunaikan permintaannya juga antara budaya negatif yang dipaparkan dalam animasi. Malah lebih parah lagi selepas menonton aksi-aksi yang dipaparkan dalam kartun-kartun tersebut adalah kecenderungan kanak-kanak lelaki meniru aksi ganas dan memperlakukannya ke atas kawan dan adik beradiknya yang lain. Manakala kanak-kanak perempuan yang meningkat dewasa pula gemar memakai pakaian seperti gaun dan skirt dengan meniru watak puteri seperti Elsa dalam kartun Frozen, Snow White dan Cinderella.

Terdapat lambakan animasi di platform utama dan digital seperti di saluran televisyen, Youtube, Netflix, di aplikasi dan laman web khusus dan di media sosial yang kebanyakannya memaparkan kandungan yang tidak sesuai ditonton oleh kanak-kanak. Malah terdapat juga animasi berunsur ganas yang boleh mempengaruhi watak dan pembangunan karakter kanak-kanak seperti animasi kanak-kanak yang popular; ‘Skibidi Toilet’ dan ‘Roblox’.

Selain itu, kekurangan kandungan animasi Islamik yang berkualiti membangkitkan kesedaran kepada penggiat industri animasi serta pendidik terhadap keperluan penghasilan karya yang memenuhi keperluan pendidikan kanak-kanak. Terdapat juga kekurangan kajian berkaitan keberkesanan animasi Islamik dalam membentuk moral dan nilai dalam diri kanak-kanak. Hal ini menggesa pihak berkepentingan untuk menjalankan kajian yang menyeluruh bagi membangunkan animasi berasaskan nilai-nilai Islam yang sesuai diintegrasikan dalam pendidikan awal kanak-kanak.

## 3.0 TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, terdapat dua tema utama yang menjadi tema perbincangan kajian ini, iaitu pendidikan kanak-kanak menggunakan medium animasi dan animasi berasaskan kandungan Islamik.

### 3.1 Pendidikan Kanak-Kanak Menggunakan Medium Animasi

Kajian Siti Rakiyah (2019) mendapati bahawa penggunaan media animasi sememangnya membantu dalam pendidikan kanak-kanak berumur empat hingga lima tahun. Media animasi ini telah meningkatkan pengetahuan serta mempengaruhi pembinaan karakter mereka dan perkembangan linguistik kanak-kanak. Kajian beliau menyimpulkan bahawa faedah terbesar media animasi ialah dalam penyampaian idea abstrak secara visual. Qingke Liu dan Wenting Luo (2019) pula mendapati animasi memainkan peranan penting dan memberi kesan positif terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak pra-sekolah, pembentukan nilai dan tingkah laku, perkembangan hubungan interpersonal dan perkembangan moral kanak-kanak secara tidak langsung. Hal ini berlaku menerusi hasil kerja animasi yang berwarna-warni dengan penggunaan suara audio yang padat yang berjaya menarik perhatian dan tumpuan mereka untuk memproses mesej yang disampaikan dalam animasi tersebut.

Selain itu, kajian terkini menekankan potensi animasi pendidikan dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran kanak-kanak. Animasi interaktif telah terbukti dapat merangsang pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah dan kreativiti dalam kalangan pelajar (Gatut Priyo & Santoso, 2023; Herfina Selva et al., 2023). Media ini mampu menyampaikan konsep-konsep kompleks dengan cara yang mudah difahami, membolehkan kanak-kanak mengaitkan pengetahuan baru dengan pengalaman mereka sendiri (Herlin & Elvira, 2023). Integrasi elemen interaktif dalam animasi mendorong penyertaan aktif dalam proses pembelajaran, memberikan ruang untuk pemikiran kreatif dan penghasilan idea. Kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemampuan pemikiran kritis pelajar selepas penggunaan media video animasi dalam pendidikan sains (Herlin & Elvira, 2023). Selain itu, animasi interaktif telah dikenal pasti sebagai alat pembelajaran yang sesuai untuk kanak-kanak yang mengikuti pendidikan di rumah serta berpotensi meningkatkan motivasi mereka dan memudahkan proses pembelajaran. Dapatkan ini menekankan nilai mengintegrasikan animasi interaktif dalam persekitaran pendidikan untuk meningkatkan keberkesanannya sesuatu pembelajaran.

Di samping itu, penggunaan animasi dalam pendidikan awal juga berperanan dalam mengurangkan kebosanan dan meningkatkan motivasi belajar kanak-kanak. Dengan elemen hiburan yang terdapat dalam animasi, kanak-kanak lebih cenderung untuk terlibat dalam pembelajaran dan mengingati maklumat yang dipersembahkan. Ini menunjukkan bahawa animasi bukan sahaja efektif dalam menyampaikan maklumat, tetapi juga dalam mencipta suasana pembelajaran yang positif dan menyeronokkan bagi kanak-kanak. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat juga kesan-kesan negatif daripada animasi. Kajian Atabey (2020) berjudul ‘Cartoons: A profound outlook within the scope of children and media’ mendapati bahawa dalam satu animasi, terdapat kesan positif dan negatif terhadap kanak-kanak. Justeru, beliau menyarankan agar konten animasi kanak-kanak ini perlu diubah untuk lebih mendapat impak positif berbanding negatif dalam diri kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, animasi berperanan penting dalam pendidikan awal kanak-kanak, memberikan manfaat yang signifikan dari segi pembelajaran,

perkembangan sosial, meningkatkan motivasi dan pembentukan karakter. Dengan pendekatan yang tepat, animasi dapat menjadi alat yang sangat berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai dan pengetahuan kepada generasi muda.

### 3.2 Animasi Berasaskan Kandungan Islamik

Konsep pendidikan Islam awal kanak-kanak dalam era yang penuh cabaran kini perlu mempunyai tiga elemen penting yang perlu diterapkan, iaitu penerapan akidah, ibadah dan pendidikan adab dan akhlak (Aulia 2019). Dalam aspek pendidikan kanak-kanak, terdapat beberapa kaedah yang perlu diteroka dan diaplikasikan dalam memastikan medium yang digunakan itu berkesan dan memberi impak terhadap kanak-kanak. Berdasarkan kajian lepas, rata-rata pengkaji bersetuju bahawa penggunaan animasi dalam pendidikan awal kanak-kanak memberi impak positif khususnya dalam membentuk dan menyemai nilai-nilai Islam dalam diri kanak-kanak. Sebagai contoh, animasi Upin dan Ipin edisi Ramadhan menurut Mardianto dan Baihaki (2020) bahawa ia mengandungi konten nilai pendidikan Islam iaitu pendidikan akidah seperti kepercayaan kepada Allah, malaikat, kerasulan, al-quran, hari kiamat serta qada' dan qadar serta sarat dengan pengajaran nilai ibadah seperti puasa, solat, zakat dan membaca Iqra' (al-Quran). Siri ini telah memberi impak terhadap pembentukan dan penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan kanak-kanak.

Selain itu, Abdullah (2016) juga bersetuju bahawa animasi yang mempunyai elemen dakwah Islamiyyah seperti animasi Ummi: Ceritakan pada Kami, mampu mengajak para penonton untuk memahami ajaran Islam dengan mudah sambil berhibur di samping turut mempunyai rangsangan psikologi yang positif. Kajian Siti Rakiyah (2019) mendapatkan bahawa penggunaan media animasi sememangnya membantu dalam pendidikan kanak-kanak berumur empat hingga lima tahun. Medium animasi ini telah meningkatkan pengetahuan serta mempengaruhi pembinaan karakter mereka dan perkembangan linguistik kanak-kanak. Kajian beliau menyimpulkan bahawa faedah terbesar animasi ialah dalam penyampaian idea abstrak secara visual. Qingke Liu dan Wenting Luo (2019) pula mendapatkan bahawa animasi memainkan peranan penting dan memberi kesan positif terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak pra-sekolah, pembentukan nilai dan tingkah laku, perkembangan hubungan interpersonal dan perkembangan moral kanak-kanak secara tidak langsung. Hal ini berlaku menerusi hasil kerja animasi yang berwarna-warni dengan penggunaan suara audio yang padat yang berjaya menarik perhatian dan tumpuan mereka untuk memproses mesej yang disampaikan di dalam animasi tersebut.

Bagi memupuk nilai positif terhadap kanak-kanak, kajian Fathayatul Husna dan Ratna Sari Dewi (2021) mendapatkan bahawa nilai-nilai Islam seperti nilai kepercayaan, ibadah dan nilai moral perlu dimasukkan dan disampaikan menerusi bimbingan watak tertentu, seperti ibu yang membimbing anak-anaknya untuk melakukan segala sesuatu mengikut landasan Islam. Hasilnya ia akan memberi impak dalam mempengaruhi tingkah laku positif kanak-kanak. Satu lagi animasi menerapkan nilai Islam kepada kanak-kanak ialah animasi Omar dan Hana. Berdasarkan kajian Zola Westri dan Rismareni Pransiska (2021) menyatakan bahawa terdapat nilai-nilai Islam terkandung dalam animasi tersebut, antaranya

seperti nilai akidah dengan memperkenalkan nabi, mengajar konsep bersyukur kepada Allah di samping menerapkan nilai moral seperti berkata jujur, saling tolong menolong, menjaga kebersihan dan tidak membazir. Metode penyampaian animasi ini menerusi lagu-lagu Islami dapat menarik perhatian kanak-kanak sekaligus memberi impak positif dalam membentuk dan menyemai nilai-nilai Islam dalam diri kanak-kanak.

Berdasarkan kajian lepas yang dibincangkan, didapati bahawa medium animasi berjaya menyampaikan mesej dalam aspek akidah dan ibadah untuk diterapkan dalam diri kanak-kanak. namun, dari aspek adab dan akhlak, walau bagaimanapun, terdapat kelompongan yang dikenalpasti, khususnya berkaitan dengan sumber sebenar yang mengajar nilai adab dan akhlak tersebut, iaitu Rasulullah SAW. Rata-rata animasi yang memaparkan tentang Rasulullah adalah berbentuk umum dari segi naratif kehidupan baginda dan peristiwa-peristiwa penting dalam sirah baginda. Misalnya, animasi Muhammad: Utusan Terakhir (*The Messenger*), Kisah Nabi Muhammad SAW, Sirah Nabawiyah dan lain-lain. Oleh yang demikian, satu animasi kanak-kanak khusus berkaitan adab dan akhlak sirah Baginda SAW wajar dihasil dan ditonjolkan bahawa nilai dan akhlak tersebut adalah bersumberkan ajaran dan Sirah Rasulullah SAW.

## 4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Potensi Animasi Sebagai Medium Penyampaian Sirah Rasulullah SAW

Animasi menjadi salah satu medium komunikasi yang popular untuk menyampaikan maklumat secara kreatif dan interaktif. Sebagai salah satu cabang seni visual, animasi memiliki keupayaan untuk menceritakan kisah dengan cara yang memikat hati. Oleh itu, penggunaannya sebagai alat penyampaian Sirah Rasulullah SAW berpotensi menjadi pendekatan inovatif dalam pendidikan Islam, khususnya kepada kanak-kanak.

Animasi mampu menarik perhatian kanak-kanak dan remaja dengan gabungan visual yang ceria, watak yang menarik, serta jalan cerita yang dinamik. Elemen-elemen ini menjadikan animasi lebih menarik berbanding membaca buku teks sirah atau mendengar ceramah tradisional. Sebagai contoh, penggunaan teknik animasi 2D dan 3D boleh membantu menggambarkan suasana Sirah Rasulullah SAW dengan lebih realistik dan menghidupkan watak serta peristiwa dalam cerita tersebut. Melalui animasi juga, nilai-nilai Islam seperti kejujuran, kesabaran, dan kasih sayang dapat disampaikan dengan berkesan. Penceritaan visual yang menyentuh aspek akhlak Rasulullah SAW membantu menanamkan nilai-nilai tersebut dalam minda dan jiwa penonton. Dengan cara ini, animasi bukan sahaja mendidik tetapi juga membentuk peribadi penonton.

Animasi membolehkan konsep-konsep sejarah dan agama yang kompleks dipermudahkan tanpa mengorbankan keaslian fakta. Misalnya, peristiwa penting dalam kehidupan Rasulullah SAW seperti Perjanjian Hudaibiyyah atau Perang Badar boleh divisualkan dengan cara yang mudah difahami, sekali gus membantu kanak-kanak memahami konteks dan pengajaran di sebalik setiap peristiwa. Jelaslah bahawa, animasi memiliki potensi besar sebagai medium penyampaian Sirah

Rasulullah SAW. Dengan pendekatan yang inovatif dan berhati-hati, ia mampu menjadi alat pendidikan dan dakwah yang relevan dan efektif untuk generasi masa kini. Justeru, penggunaan animasi bukan sahaja menjadikan kisah sirah lebih menarik tetapi juga membantu memupuk kefahaman yang mendalam terhadap Islam dalam kalangan masyarakat moden khususnya kanak-kanak.

Walaupun animasi mempunyai potensi besar, penghasilan kandungan Sirah Rasulullah SAW melalui medium ini tetap perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dan beretika. Ketepatan fakta sejarah, sensitiviti budaya, dan pematuhan kepada ajaran Islam adalah aspek penting yang perlu dijaga. Sebarang penyimpangan boleh menyebabkan kekeliruan atau kontroversi. Oleh itu, penglibatan pakar sirah, fiqh, dan multimedia adalah penting dalam proses pembangunan animasi ini.

#### **4.2 Potensi Animasi Sirah Rasulullah SAW Dalam Pembentukan Akhlak Kanak-Kanak**

Sirah Rasulullah SAW merupakan sumber penting bagi umat Islam dalam membudayakan cara hidup Islam yang sebenar. Pemaparan Sirah Rasulullah SAW dalam bentuk animasi bertujuan memupuk minat kanak-kanak untuk mengenali keperibadian dan memahami Sirah Rasulullah SAW. Animasi terbukti menjadi salah satu medium yang berpengaruh dalam pembentukan karakter dan moral anak-anak. Dalam konteks ini, Sirah Rasulullah SAW berpotensi sebagai kandungan animasi untuk menjadi bahan pendidikan yang sangat efektif dalam mengajarkan nilai-nilai moral kepada generasi muda. Sirah Rasulullah SAW mengisahkan kehidupan Nabi Muhammad SAW sebagai teladan utama dalam berbagai aspek kehidupan, termasuk moral, kepimpinan, keadilan, kesabaran dan kasih sayang. Animasi Sirah Rasulullah SAW dapat memberikan gambaran yang jelas dan menarik mengenai kisah-kisah inspirasi yang dapat dijadikan teladan oleh anak-anak.

Animasi Sirah Rasulullah SAW dapat memperkenalkan nilai-nilai universal seperti kebaikan, kejujuran dan empati kepada anak-anak secara visual dan menyenangkan. Kanak-kanak dapat belajar melalui cerita-cerita yang menggambarkan bagaimana Rasulullah SAW menghadapi berbagai tantangan dengan sikap yang mulia dan penuh kasih sayang. Kanak-kanak juga dapat memahami konsep nilai seperti persaudaraan, toleransi dan pengampunan. Animasi dapat mengilustrasikan bagaimana Rasulullah SAW menjalin hubungan yang baik dengan umatnya dan menunjukkan sikap inklusif terhadap semua masyarakat pada waktu itu. Selain itu, animasi dapat membantu kanak-kanak untuk memahami prinsip-prinsip kepimpinan yang adil sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam mengatur hubungan sosial dan kehidupan bermasyarakat. Mereka dapat belajar tentang pentingnya memimpin dengan teladan dan bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan. Animasi Sirah Rasulullah SAW malah dapat mengajarkan kanak-kanak tentang pentingnya kesabaran dan keteguhan dalam menghadapi ujian kehidupan. Kisah-kisah tentang ketabahan Rasulullah SAW dalam menghadapi tantangan dakwah akan menginspirasi kanak-kanak untuk tidak mudah menyerah dalam menghadapi cabaran dan kesulitan hidup.

Dalam konteks pendidikan agama Islam, pengenalan terhadap *Sirah Nabawiyah* atau kisah hidup Nabi Muhammad SAW merupakan salah satu aspek

penting yang tidak hanya memerlukan pemahaman teori, namun juga pengalaman belajar yang dapat meningkatkan kedekatan emosional dan spiritual kanak-kanak terhadap pengajaran dan pembelajaran. Perbezaan kajian ini dengan kajian sebelumnya adalah dalam pengaplikasian teknologi rekaan animasi sebagai kandungan pembelajaran *Sirah Nabawiyah* (Rizal H. et al., 2024).

Selain itu, kajian Rizal H. et al. (2024) menekankan pentingnya mengintegrasikan nilai-nilai kehidupan dan pelajaran moral dari *Sirah Nabawiyah* ke dalam kurikulum pendidikan akhlak dan pembentukan moral kanak-kanak, namun tidak secara spesifik menghuraikan bagaimana teknologi seperti animasi dapat memudahkan proses pembelajaran ini secara lebih efektif. Terdapat cabaran yang sering dihadapi dalam pengajaran *Sirah Nabawiyah* iaitu cara penyampaian yang kurang menarik bagi generasi muda yang kini lebih terbiasa dengan penggunaan media digital dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, perkembangan metode dan media pembelajaran yang inovatif menjadi sesuatu yang sangat signifikan untuk meningkatkan minat dan pemahaman mereka terhadap bahan pembelajaran. Dalam konteks ini, perkembangan animasi sebagai medium dalam pengenalan *Sirah Nabawiyah* menjadi satu inisiatif yang diharapkan dapat memenuhi keperluan tersebut. Penggunaan animasi dalam pembelajaran Sirah Rasulullah SAW menawarkan sebuah pendekatan yang tidak hanya inovatif tetapi juga interaktif. Animasi membolehkan penonton untuk mendapatkan pengalaman belajar yang lebih mendalam dan menghiburkan. Inisiatif ini juga seiring dengan keperluan integrasi kurikulum pendidikan Islam dengan teknologi pembelajaran terkini, mencipta lingkungan pembelajaran yang lebih relevan dengan perkembangan zaman dan meningkatkan mutu pembelajaran yang lebih efektif.

Kajian ini mendapati keperluan pembangunan kandungan Sirah Rasulullah SAW sebagai animasi edu-atfal (pendidikan kanak-kanak) mulai daripada latar belakang analisis keperluan, proses reka bentuk hingga analisis penilaian dalam meningkatkan pemahaman dan minat belajar tentang *Sirah Nabawiyah* dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini dapat memberikan suntikan inovasi yang signifikan dalam pendidikan Islam, khususnya dalam menyampaikan kisah dan nilai-nilai *Sirah Nabawiyah* kepada kanak-kanak dengan cara yang lebih menarik dan berkesan. Kajian ini didasari dengan keinginan untuk mengintegrasikan penggunaan animasi kreatif dalam pendidikan Islam, khususnya dalam memperkenalkan Sirah Rasulullah SAW kepada kanak-kanak. Justeru, fokus utama kajian tertumpu kepada perkembangan medium pembelajaran yang inovatif dan kreatif iaitu dengan menggunakan animasi Islamik dan menarik bertujuan mendidik kanak-kanak mencantohi keperibadian Rasulullah SAW melalui sirah Baginda.

## 5.0 KESIMPULAN

Penghasilan animasi berkaitan adab dan akhlak berkisar Sirah Rasulullah SAW adalah sangat signifikan kerana tujuan baginda diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Medium animasi yang bakal digunakan adalah kaedah yang memberi kesan positif dalam menarik minat kanak-kanak untuk mengikutinya kerana sifatnya untuk didik hibur dan sekaligus dapat mempengaruhi tingkah laku penonton khususnya kanak-kanak dalam proses pembentukan adab dan

akhlak yang mulia. Animasi sebagai medium pembelajaran mampu menyampaikan mesej dengan cara yang berkesan melalui visual dan audio yang menarik. Ia membolehkan kanak-kanak memahami situasi kehidupan sebenar Rasulullah SAW dan bagaimana Baginda mengamalkan adab dan akhlak mulia dalam pelbagai aspek kehidupan. Dengan cara ini, nilai-nilai Islam dapat diserap secara tidak langsung, menjadikan pembelajaran lebih mendalam dan berkesan. Selain itu, penerapan animasi yang menggambarkan kisah-kisah sirah juga dapat memupuk rasa cinta dan penghormatan terhadap Rasulullah SAW dalam kalangan kanak-kanak. Penggunaan watak dan cerita yang mereka boleh kaitkan dengan kehidupan harian mereka meningkatkan keberkesanan penyampaian. Oleh itu, usaha untuk menghasilkan animasi berkualiti tinggi yang berteraskan Sirah Rasulullah SAW perlu disokong dengan kerjasama antara pakar dalam bidang agama khususnya *Sirah Nabawiyah*, pendidikan, dan teknologi multimedia. Dengan pendekatan yang strategik dan teliti, animasi ini bukan sahaja dapat menjadi medium pembelajaran yang efektif, tetapi juga alat dakwah yang mampu merentasi sempadan usia, budaya dan bahasa. Berdasarkan kajian literatur di atas, kajian ini mendapati pendidikan kanak-kanak amat berkait rapat dengan animasi kerana animasi memberi impak yang sangat signifikan kepada pembelajaran kanak-kanak dan pembentukan karakter mereka. Bagi membentuk karakter kanak-kanak menjadi Muslim yang ahlaknya terpuji, kajian ini mencadangkan agar Sirah Rasulullah SAW menjadi konten dalam pembikinan animasi dan elemen adab atau akhlak perlu diselitkan melalui sirah agar kanak-kanak dapat memahami dan meneladannya secara tidak langsung.

### **Penghargaan**

Kajian ini dijalankan menggunakan dana penyelidikan di bawah Geran Translasi Universiti Kebangsaan Malaysia, kod projek: UKM-TR2023-02. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan dana untuk menjalankan penyelidikan ini.

### **Sumbangan Pengarang**

Ismail, N. K., Zailani, S., Lubis, F. A., Isa, A. D. M., Zain, F. M., Farid, N. F., Noor, S. F., M., Dahlan, H. A., Noh, N. C. & Khamis, M. F . Pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa dan penyuntingan draf akhir; penyediaan keseluruhan artikel dilaksanakan secara kolektif.

### **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisyiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

## RUJUKAN

- Abdullah., S. A. Y. (2016). Elemen dakwah dalam siri animasi Ummi: Ceritalah pada kami. *Jurnal Usuluddin*, 44(1), 85-116.
- Atabey, D. (2021). Cartoons: A profound outlook within the scope of children and media. *International Journal of Research in Education and Science*, 7(1), 93-111.
- Husna, F. & Dewi, R. S. (2021). Islamic education movie: Character learning through *Nussa-Rara* movie. *International Journal of Islamic Educational Psychology*, 2(1), 36-52.
- Liu, Q. & Wenting Luo, W. (2019). The Influence Of Animation On The Social Development Of Preschool Children. *Educational Innovations and Applications: Tijus, Meen, Chang*. 2nd Eurasian Conference on Educational Innovation 2019. <https://doi.org/10.35745/eeci2019v2.035>
- Mardianto & Harahap, B. (2020). Islamic Education Values Contained In Upin And Ipin Animation Series Of Ramadhan Episode. *Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 5(1), 25-31.
- Nur Hasanah & Eva Octaviana. (2019). Animation movies: Are they entertaining or threatening for children?. *4th National Seminar on Educational Innovation (SNIP 2019) SHEs: Conference Series*. 2(1), 169-174.
- Rizal, H., Muhammad, Ratnawati, R., Indriani, N., Mursalim, M. & Warni, E. (2024). Pengembangan Kartu Edukasi Animasi Sebagai Media Pengenalan Sirah Nabawiyah Berbasis Augmented Reality. *JSITIK Jurnal Sistem Informasi dan Teknologi Informasi Komputer*, 2(2), 98-112.
- Rakiyah, S. (2019).The Impact Of Animation Media On The Character Of Children In TK Starlight Education. *Jurnal Pengembangan Ilmu Komunikasi dan Sosial*, 3(1), 30-35.
- Sae, H. & Radia, E. H. (2023). Media Video Animasi Dalam Pembelajaran IPA Untuk Meningkatkan Kemampuan Berpikir Kritis Siswa SD. *Indonesian Journal of Education and Social Sciences*, 2(2): 65-73.
- Strasburger, V. C., Wilson, B. J., & Jordan, A. B. (2010). *Children, Adolescents, and the Media*. California: SAGE Publications.
- Utami, H. S., Pramudiyanti, P. & Prakoso, B (2023). Analisis media animasi berbasis model pembelajaran inquiri terbimbing pada pembelajaran tematik untuk meningkatkan berpikir kreatif. *JIIP Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan*, 6(12), 10787-10794.
- Wahyunisa, A. (2019). Early childhood Islamic education in disruption era. *International Journal on Islamic Educational Research*, 3(1), 36-45.
- Westri, Z. & Pransiska, R. (2021). Analisis nilai-nilai agama dan moral anak usia dini pada film animasi Omar dan Hana. *Jurnal Golden Age*, 5(2), 221-232.
- Widodo, G. P. & Santoso, L. (2023). Menumbuhkan kreativitas e-learning melalui pembelajaran animasi bagi siswa-siswi SMP pada masa pandemi Covid-19. *Jurnal Pengabdian Kepada Masyarakat*, 7(3), 418-430.